**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 7 MEI 2016 (SABTU)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Pengundi dinasihat keluar mengundi pada sebelah pagi - Madius | BERNAMA |
| 2. | ExxonMobil sumbang RM450,000 untuk promosi inisiatif STEM | BERNAMA |
| 3. | MOSTI biayai 77 projek MSI berjumlah RM25 Juta | BERNAMA |
| 4. | PRN Sarawak: Proses pengundian bermula 8 pagi | BERNAMA |
| 5. | 1,754 pusat mengundi disediakan di seluruh Sarawak esok | BERNAMA |
| 6. | Cuaca mungkin lewatkan keputusan penuh PRN Sarawak esok | BERNAMA |
| 7. | CyberSecurity Malaysia bantu Angkasa elak jadi mangsa jenayah siber | BERNAMA |
| 8. | Fraud tops cybercrimes list | The Star |
| 9. | RM90,000 for cancer research | The Star |

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 7 MEI 2016 (SABTU)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Pengundi Dinasihat Keluar Mengundi Pada Sebelah Pagi - Madius

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Pengundi bagi Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN-11) dinasihatkan keluar mengundi pada sebelah pagi kerana hujan beserta ribut petir dijangka melanda negeri itu pada sebelah petang esok.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata ramalan keadaan cuaca itu diperoleh berdasarkan tinjauan cuaca bagi tempoh tujuh hari bermula esok hingga 13 Mei ini.

Katanya ribut petir serta hujan dijangka berlaku di satu dua tempat di kawasan pantai Sarawak manakala pada sebelah petang pula keadaan sama turut dijangka berlaku di satu dua tempat di kebanyakan bahagian.

"Pada sebelah malam pula, hujan dijangka berlaku di satu dua tempat di bahagian tengah serta pedalaman Sarawak," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

PRN-11 akan diadakan esok menyaksikan perebutan 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), termasuk tambahan 11 kerusi baharu.

Madius berkata bagi mengetahui keadaan cuaca sebenar, aplikasi Rain Alarm iaitu sistem dari Jerman yang menggunakan data Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) boleh diakses menerusi laman sesawang http://www.rain-alarm.com/.

Beliau turut menasihatkan pengusaha perkhidmatan helikopter untuk mendapatkan maklumat cuaca penerbangan daripada MetMalaysia bagi membuat perancangan penerbangan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 7 MEI 2016 (SABTU)**

# ExxonMobil Sumbang RM450,000 Untuk Promosi Inisiatif STEM

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Anak syarikat ExxonMobil di Malaysia telah menyumbang sebanyak RM450,000 kepada Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Pusat PERMATApintar Negara bagi meningkatkan bakat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM300,000 telah diberikan sebagai tajaan untuk Cabaran Sains Negara ASM yang dibuat secara tahunan sementara bakinya akan digunakan oleh PERMATApintar untuk memilih dan melatih kontinjen Malaysia ke acara Olimpiad Matematik Antarabangsa.

Pengerusinya See Kok Yew berkata, kumpulan itu menggalakkan golongan muda untuk mempertimbangkan kerjaya dalam bidang STEM, sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi melalui pacuan sains dan teknologi.

"Meningkatkan kemahiran matematik dan sains di kalangan warga muda adalah penting bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir serta daya saing negara di pasaran global," katanya pada majlis tajaan itu di sini, hari ini.

**Turut hadir ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 7 MEI 2016 (SABTU)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# MOSTI Biayai 77 Projek MSI Berjumlah RM25 Juta

MELAKA, 7 Mei (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membiayai 77 projek di bawah program 'Inovasi Sosial MOSTI' (MSI) melibatkan peruntukan berjumlah RM25 juta sejak program itu dilancarkan pada 16 April tahun lepas.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata peruntukan melibatkan fasa pertama projek itu bertujuan membantu kumpulan sasar menikmati faedah langsung daripada aplikasi teknologi dalam bentuk produk atau perkhidmatan.

"Sebenarnya kami memperuntukkan RM30 juta bagi melaksanakan pelbagai projek di bawah program ini bagi fasa pertama, dan sehingga kini RM25 juta dibelanjakan. Baki daripada peruntukan ini akan digunakan untuk pelaksanaan fasa kedua dijangka Jun depan.

"Kami lihat program MSI ini merupakan satu cabang program inovasi yang boleh membawa kesan positif secara langsung dan boleh dirasai oleh semua golongan masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan sangkar sembelihan mudah alih kepada Masjid Tangga Batu Pekan di sini hari Sabtu.

Beliau berkata pelaksanaan program berkenaan selaras dengan inisiatif 'buy back policy' yang telah dilaksanakan MOSTI untuk menggalakkan masyarakat menggunakan produk atau perkhidmatan yang telah diinovasikan.

Bagaimanapun katanya melalui program ini pencipta atau pereka sesuatu produk atau perkhidmatan inovasi, perlu bekerjasama dengan satu daripada 23 agensi di bawah MOSTI.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata pihak atau individu yang berminat untuk memohon dana di bawah program tersebut boleh memohonnya melalui laman sesawang MOSTI dan penilaian bagi fasa kedua akan dilakukan pada Jun depan.

Beliau berkata peruntukan maksimum yang disediakan bagi sesebuah projek atau perkhidmatan adalah RM500,000 namun ia bergantung kepada kelayakan atau jenis produk dan perkhidmatan yang ingin dihasilkan.

"Kami berharap untuk program ini dapat membantu negara mencapai sasaran menjadikan negara berpendapatan tinggi dan semua produk atau perkhidmatan berkenaan dapat dikomersialkan.

"Sekarang ini proses pengkomersialan negara agak rendah iaitu hanya pada tahap lapan peratus dan kami harap ia akan meningkat kepada 15 peratus pada tahun 2020," katanya.

-- BERNAMA